

Merapatkan hubungan dua negara

um - 15/4/2007

Daripada **BAHAROM MAHUSIN**

KHARTOUM 14 April - Kunjungan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Sudan, dijangka merapatkan hubungan Malaysia dengan salah sebuah negara yang mengalami pertumbuhan ekonomi paling pesat di benua ini sekarang.

Walaupun menghadapi pergolakan politik di sempadan selatan dan krisis kemanusiaan di Darfur di sempadan baratnya, Sudan yang sedang menikmati pertumbuhan ekonomi lapangan peratus setahun, khususnya kerana pendapatan daripada sumber petroleum, kini menjadi berita besar dalam pembangunan di

Afrika.

Krisis di Darfur terus mendapat perhatian masyarakat antarabangsa dan meletakkan Sudan di bawah tekanan kuasa Barat tetapi negara ini telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan dari segi memupuk keyakinan kumpulan etnik Dinka dan Shuluk yang telah kembali ke kampung halaman masing-masing di selatan negara ini selepas menjadi pelarian di Uganda.

Wilayah selatan Sudan yang dahulunya dilanda masalah politik kini melalui program perdamaian yang komprehensif hasil perjanjian damai yang ditandatangani dengan Tentera Pembebasan Rakyat Sudan (SPLA) tiga tahun lalu.

Dengan wang petroleum yang melimpah ruah selepas penerokaan besar-besaran industri minyak dan gas sejak lima tahun lalu, Sudan yang mempunyai penduduk seramai 37 juta orang sedang menjadi tumpuan ahli-ahli perniagaan yang berani.

Perdana Menteri yang memulakan lawatan tiga harinya ke Khartoum esok dijangka menumpukan kepada usaha untuk mengukuhkan hubungan dua hala Malaysia-Sudan terutama dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

Duta Malaysia ke Sudan, Zainal Hamzah yang baru dua bulan bertugas di Khartoum berkata, syarikat-syarikat Malaysia boleh memasuki pasaran Sudan dengan lebih mudah

dalam bidang pertanian, infrastruktur, makanan halal, komunikasi, perumahan, teknologi maklumat, pendidikan dan pelancongan.

Menurutnya, nama Malaysia amat terkenal di Sudan sekarang selepas syarikat petroleum nasional Malaysia, Petronas, menyertai industri minyak dan gas Sudan dengan nilai kontrak berbilion dolar.

"Potensi negara ini amat baik dalam bidang ekonomi," kata Zainal kepada wartawan Malaysia di sini hari ini, sambil menambah bahawa Malaysia melihat proses perdamaian yang sedang dirintis di selatan dan barat Sudan sebagai perkembangan yang perlu disokong kerana implikasinya kepada ekonomi negara ini.

Dalam lawatan Abdullah itu, Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan mengadakan rundingan dengan Presiden Sudan, Omar Hassan Al-Bashir dan bertemu Naib Presiden Pertama Sudan, Salva Kiir Mayardit, yang merupakan ahli politik berpengaruh di selatan Sudan, iaitu salah sebuah kawasan yang kaya dengan minyak.

"Saya percaya lawatan Perdana Menteri ke sini akan memperlihatkan kepada kepimpinan Sudan bahawa Malaysia merupakan rakan rapat. Mesejnya jelas: Kita memang hendak membantu negara ini membangun, dan kita berada di Sudan bukan kerana tarikan minyak semata-mata," katanya.